

KEDUDUKAN UNIVERSITI ASIA PENDIDIKAN TINGGI TIMES

NUS kekal paling atas

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) mengekalkan kedudukan teratas dalam Kedudukan Universiti Asia Pendidikan Tinggi Times bagi 2017 yang diterbitkan semalam.

NUS mendahului senarai pada 2016 buat kali pertama sejak kategori itu diperkenalkan pada 2013. Universiti Teknologi Nanyang Singapura (NTU) menduduki tempat kedua bersama dengan Universiti Peking China pada 2016, tetapi jatuh ke tangga keempat dalam senarai 2017.

Universiti Peking mengekalkan kedudukan tempat kedua dan Universiti Tsinghua menduduki tempat ketiga, naik dua tangga dari 2016.

Kedudukan universiti Asia itu menggunakan penunjuk sama dengan kedudukan dunia yang menilai

kekuatan sesebuah universiti dalam lima bidang – pengajaran, penyelidikan, petikan, pendapatan industri dan pandangan antarabangsa.

Bagaimanapun, ia meletakkan kepentingan yang lebih kepada pendapatan industri dan pendapatan penyelidikan serta produktiviti dari segi penerbitan, dan kurang penekanan kepada unsur reputasi.

Presiden NUS, Profesor Tan Chorh Chuan, berkata: “Ia merupakan pengiktirafan yang kuat terhadap pendekatan Asia dan global bagi pendidikan dan penyelidikan kami serta kepentingan yang kami letakkan kepada memberi kesan positif terhadap negara dan masyarakat di sekeliling kita.

“Saya berterima kasih kepada fakulti dan penyelidik kami dan penuntut yang berbakat atas usaha

cemerlang mereka dan atas sokongan kuat daripada pemerintah Singapura.”

Editor Kedudukan Pendidikan Tinggi Times, Encik Phil Baty, berkata NUS menduduki tangga teratas sekali lagi meskipun menghadapi “persaingan sangat sukar” daripada “gergasi Beijing” China – Universiti Peking dan Universiti Tsinghua.

“Saya meramalkan beberapa tahun lalu bahawa NUS akan menduduki tempat teratas.

“Universiti itu benar-benar telah mengukuhkan kedudukannya sebagai contoh kepada seluruh benua – menunjukkan bahawa dengan kepimpinan tegas, pendekatan antarabangsa dan dengan sokongan pemerintah yang bersedia melabur dalam pendidikan tinggi, universiti-universiti Asia sah boleh men-

cabar golongan elit tradisional dari Amerika Syarikat dan Britain,” kata Encik Baty.

Walaupun menduduki tempat keempat, NTU berjaya meningkatkan markah keseluruhan dalam Kedudukan Universiti Asia Pendidikan Tinggi Times dengan mencapai 74.2 mata, meningkat daripada 72.9 mata pada 2016. Ia juga terus meningkatkan markah bagi pengajaran, petikan dan pandangan antarabangsa.

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, berkata: “Persaingan sudah tentu jauh lebih sengit apabila anda berada di bahagian atas dengan banyak universiti Asia yang sama dinamik dan bercita-cita tinggi dan meletakkan perjuangan yang kuat.

“Turun naik setiap tahun bukanlah suatu yang tidak dijangka apabila anda berada di bahagian atas.”